



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 10 OKTOBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SEKTOR PADI, BERAS BAKAL DIMANTAPKAN DENGAN PENGASINGAN KUASA, PERATURAN BAHARU -MOHAMAD SABU, WILAYAHKU.COM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KPKM PERKENAL STRATEGI BAHARU ATASI KEKURANGAN BERAS PUTIH TEMPATAN, NABALU NEWS -ONLINE	
3.	PENAMATAN SUBSIDI TELUR AYAM SEDANG DIPERTIMBANGKAN -MOHAMAD, THE MERDEKA TIMES -ONLINE	
4.	KPKM DIGESA LAKSANA REFORMASI INFRASTRUKTUR PENANAMAN PADI, NASIONAL, BH -5	
5.	KUASA BADAN KAWAL SELIA PADI DIASING, NEGARA, KOSMO -4	
6.	TARIK SUBSIDI TELUR, KERAJAAN JIMAT RM100 JUTA SEBULAN, NEGARA, KOSMO -4	
7.	REFORMASI MEMACU KETERJAMINAN MAKANAN, MUKA DEPAN, BH -1	
8.	KPKM UMUM REFORMASI RADIKAL SEKTOR AGROMAKANAN NEGARA, NASIONAL, BH -4	
9.	SYOR KAJI SEMULA SUBSIDI TELUR WAJAR DIPERTIMBANG, NASIONAL, BH -4	
10.	PENGUATKUASA TUJUH AGENSI KPKM DIGABUNG, DALAM NEGERI, UM -1 & 2	
11.	SUBSIDI TELUR DIKAJI SEMULA JIKA BEKALAN PULIH, LOKAL, HM -7	
12.	PERKUKUH JAMINAN BEKALAN MAKANAN, LOKAL, HM -7	
13.	PERKENAL BAHARU SSR, PCC, LOKAL, HM -7	
14.	PENGASINGAN KUASA MANTAPKAN SEKTOR PADI, BERAS, LOKAL, HM -7	
15.	TELUR BAKAL IKUT JEJAK AYAM, MUKA DEPAN, SH -1	
16.	TIBA MASA KAJI SEMULA SUBSIDI TELUR AYAM, NASIONAL, SH -2	
17.	PERTIMBANG MEKANISME KAWALAN HARGA TELUR AYAM, NASIONAL, SH -3	
18.	HARGA TELUR BOLEH NAIK SEHINGGA 50 PERATUS JIKA SUBSIDI DIHENTIKAN, NASIONAL, SH -3	
19.	SABAH MINTA KERAJAAN LAKSANA SUBSIDI BERSASAR, NASIONAL, SH -3	
20.	GOVERNMENT CONSIDERING TERMINATING EGG SUBSIDY - MOHAMAD, ASTRO AWANI -ONLINE	
21.	GOVT CONSIDER ENDING CHICKEN EGG SUBSIDY, SAYS MAT SABU, MSN.COM -ONLINE	
22.	GOVT MULLS EGG SUBSIDY CUT, SELANGOR JOURNAL -ONLINE	
23.	SEVEN ENFORCEMENT AGENCIES TO BE MERGED, NATIONAL, THE SUN -4	
24.	SABAH SEEKS EXEMPTION FROM EGG SUBSIDY CUTS, NATION, THE STAR -6	
25.	MAT SABU: GOVT TO REVIEW SUBSIDY FOR CHICKEN EGGS, NATION, THE STAR -4	
26.	FOMCA: CHECK SUPPLY CHAIN ISSUES TO KEEP PRICES LOW, NATION, THE STAR -4	
27.	'IMPACT YET TO TRICKLE DOWN', NATION, THE STAR -4	
28.	RETAILERS: DESPITE STRONGER RINGGIT, NO CHEAPER POULTRY FOR NOW, NATION, THE STAR -4	
29.	MINISTRY GOES BIG ON REFORMS, NEWS, NST -3	
30.	THUMBS-UP FOR MERGING 7 ENFORCEMENT AGENCIES, NEWS, NST -3	
31.	'REMOVING EGG SUBSIDIES MAY SAVE NATION RM100m, NEWS, NST -3	
32.	DUA BOT NELAYAN VIETNAM DITAHAN, LOKAL, HM -7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
33.	SYOR FUNGSI LPNM DIPERLUAS KEPADA KELAPA, DURIAN, NASIONAL, BH -5	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
34.	BANJIR JEJAS 256 PESAWAH, KERUGIAN RM3.5 JUTA, UTARA, HARAKAH -H21	LAIN-LAIN

UKK KPKM

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/10/2024	WILAYAHKU.COM	ONLINE	

Sektor padi, beras bakal dimantapkan dengan pengasingan kuasa, peraturan baharu – Mohamad Sabu



Foto: Facebook Mohamad Sabu

KEMETERIAN Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bakal melaksanakan pengasingan kuasa antara agensi berkaitan dan memperkenalkan peraturan baharu bagi memantapkan sektor padi dan beras negara, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata pengasingan kuasa itu melibatkan Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan wakil kerajaan dalam Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

“...kita pecahkan dengan mereka yang terlibat dalam hal industri padi supaya tidak ada tuduhan mengatakan dia (ketua unit) pakai ‘satu topi buat dua tugas’, kali ini ‘dua topi dua tugas’. Ini telah melalui libat urus yang kita buat begitu panjang dan lama dengan semua pihak.

“Sekarang ini pembangunan padi dan beras serta bahagian penguat kuasa di bawah satu pengarah. Sekarang kita nak asingkan,” katanya dalam sidang media selepas Perhimpunan Bulanan KPKM di sini hari ini.

Mengenai peraturan baharu, beliau berkata Peraturan Melarang Campuran Beras Putih Tempatan dengan Beras Putih Import Pekeliling akan diperkenalkan dengan pekeliling mengenainya akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

Mohamad berkata KPKM juga telah memperkenalkan asas pengiraan baharu Kadar Sara Diri (SSR) dan Penggunaan Per Kapita (PCC) beras negara selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) mulai tahun ini.

Mengenai komitmen Sarawak dalam industri padi negara, beliau berkata peruntukan RM500 juta akan disediakan oleh negeri itu untuk meningkatkan pengeluaran padi dan beras perlu dicontohi negeri lain.

“Ini kerana usaha untuk meningkatkan SSR beras negara bukan sahaja terletak pada bahu KPKM, tetapi juga memerlukan sokongan dan kerjasama yang jitu daripada semua pihak,” katanya.

Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Tun Openg pada Julai mengumumkan sejumlah RM500 juta diluluskan untuk membina skim saliran tanaman padi bagi tahun 2025, iaitu peruntukan untuk kawasan penanaman padi di Sri Aman, Kuching dan Samarahan.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata KPKM juga sedang fokus untuk meningkatkan SSR daging yang masih di tahap bawah 20 peratus memandangkan negara masih bergantung kepada import daging dari beberapa negara.

Justeru, beliau mengatakan satu jawatankuasa khas diketuai Ketua Setiausaha KPKM Datuk Seri Isham Ishak akan ditubuhkan untuk melihat perkara ini dan dijangka satu pelan strategik dapat dihasilkan menjelang suku pertama 2025 bagi meningkatkan SSR daging negara.

Mengenai Belanjawan 2025, Mohamad berkata KPKM juga telah mengemukakan 32 cadangan inisiatif kepada Kementerian Kewangan untuk memperkukuhkan pengurusan rantai makanan bagi menjamin bekalan yang lebih tersusun dan berstruktur kepada semua lapisan masyarakat. — **BERNAMA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/10/2024	NABALU NEWS	ONLINE	

KPKM perkenal strategi baharu atasi kekurangan beras putih tempatan



PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan merangka pelaksanaan beberapa strategi baharu dalam usaha menangani kekurangan bekalan beras putih tempatan.

Menteri KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu menekankan bahawa langkah ini bertujuan

untuk memperkukuh tatakelola sektor padi dan beras di negara ini melalui pengasingan kuasa agensi-agensi yang terlibat.

“Beberapa langkah akan diambil untuk mereformasikan sektor ini, iaitu pemantapan tatakelola sektor padi dan beras dengan pengasingan kuasa antara Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan wakil Kerajaan dalam BERNAS akan segera dilaksanakan,” katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan KPKM di sini.

Mohamad Sabu turut mengumumkan pengenalan Peraturan Melarang Campuran Beras Putih Tempatan dengan Beras Putih Import dalam masa terdekat sebagai langkah tambahan untuk memastikan ketelusan dalam pasaran beras.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/10/2024	THE MERDEKA TIMES	ONLINE	

Penamatan subsidi telur ayam sedang dipertimbangkan – Mohamad

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C sekiranya bekalan itu kembali pulih dan stabil.



Foto: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu.

- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C sekiranya bekalan itu kembali pulih dan stabil.
- Menteri, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata langkah menamatkan subsidi berkenaan wajar dipertimbangkan berdasarkan kejayaan penamatan subsidi ayam yang memberi penjimatan RM100 juta sebulan.
- “Cadangan telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, dan dalam pertimbangan,” katanya kepada pemberita selepas perhimpunan bulanan KPKM di sini hari ini.
- Mohamad berkata penjimatan berkenaan dapat dimanfaatkan untuk membangunkan sektor agromakanan lain yang mendesak.

PUTRAJAYA — Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C sekiranya bekalan itu kembali pulih dan stabil.

Menteri, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata langkah menamatkan subsidi berkenaan wajar dipertimbangkan berdasarkan kejayaan penamatan subsidi ayam yang memberi penjimatan RM100 juta sebulan.

“Cadangan telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, dan dalam pertimbangan,” katanya kepada pemberita selepas perhimpunan bulanan KPKM di sini hari ini.

Mohamad berkata penjimatan berkenaan dapat dimanfaatkan untuk membangunkan sektor agromakanan lain yang mendesak.

Menurut beliau, negara telah membelanjakan lebih RM3 bilion sejak Februari 2022 untuk subsidi ayam dan telur, sebelum kerajaan melaksanakan penamatan subsidi ayam pada 1 Nov 2023 dan menyaksikan bekalan serta harga ayam semakin stabil hingga kini.

“Apabila kita mengambil keputusan tidak popular iaitu menamatkan subsidi ayam, pada ketika itu ramai memperlekehkan usaha kita, kononnya harga ayam akan melambung.

“Alhamdulillah, setelah subsidi ditamatkan, harga ayam tidak lagi melambung dan lebih penting lagi, negara mendapat manfaat dengan penjimatan RM100 juta sebulan melalui penamatan subsidi ayam,” katanya. — BERNAMA

Syor fungsi LPNM diperluas kepada kelapa, durian

Langkah kurang defisit imbalan dagangan dicapai melalui ketiga-tiga hasil tanaman

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Fungsi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dicadang diperluas dengan menggabungkan komoditi nanas, kelapa dan durian.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata ia bertujuan mengurangkan defisit imbalan dagangan dapat dicapai melalui ketiga-tiga hasil tanaman terabit yang mendapat permintaan tinggi.

"Misalnya pada 4 Oktober lalu, media melaporkan 40 tan durian segar Malaysia habis terjual dalam masa 24 jam di pasara-



Hasil tanaman kelapa dan durian dapat permintaan tinggi.

ran China. Begitu juga dengan nanas, kita hanya mampu mengeksport 800 kontena setahun sedangkan permintaannya 4,000 kontena setahun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian

Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) di sini, semalam.

Pencapaian membanggakan
Mohamad berkata, kejayaan negara mendapatkan kebenaran untuk mengeksport durian segar ke China menjadi pencapaian

REFORMASI SEKTOR AGROMAKANAN NEGARA

Padi beras negara

- Pengasingan kuasa Bahagian Pembangunan Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan BERNAS.
- Peraturan melarang campuran Beras Putih Tempatan dengan Beras Putih Import.
- Penggabungan penguat kuasa 7 agensi seperti KPB, MAGIS, DOA, DVS, DOF, FAMA, LKIM
- Reformasi pentadbiran LPP dan NAFAS
- Perkenal asas pengiraan baharu Kadar Sara Diri (SSR) dan Penggunaan Per Kapita (PCC) beras.

Kadar Sara Diri (SSR) Daging

- Tubuh jawatankuasa khas diketuai KSU KPKM.
- Penyediaan pelan strategik tingkat SSR daging negara.
- Perluasan Fungsi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) gabung komoditi durian, kelapa.

Kawalselia Padi Dan Beras (KPB)
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAGIS)
Jabatan Pertanian (DOA)
Jabatan Perkhidmatan Veteriner (DVS)
Jabatan Perikanan (DOF)

Infografik BH

KPKM digesa laksana reformasi infrastruktur penanaman padi

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) digesa turut melakukan reformasi pada peringkat pertama sektor padi dan beras negara dengan menambah baik infrastruktur penanaman padi di negara ini.

Mengutarakan cadangan itu, Pengerusi Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM), Mohamad Termizi Yop, berkata dengan peningkatan infrastruktur termasuk aspek pengairan yang baik, pihaknya yakin hasil beras negara dapat ditingkatkan.

"Infrastruktur itu perlu direformasikan sebab kawasan sawah Malaysia lebih luas berbanding Vietnam dan Thailand, namun hasil mereka lebih tinggi.

"Sesuatu perlu dilakukan, contohnya dengan melihat aspek saliran... ada kawasan yang perlukan air tetapi tidak dapat kemudahan itu sehingga menyebabkan kurangnya hasil," kata-

nya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, bahawa pengasingan kuasa, penggabungan penguat kuasa dan peraturan baharu antara agenda reformasi dirangka kerajaan untuk sektor padi dan beras negara seperti pengasingan kuasa Bahagian Pembangunan Padi, Padiberas Nasional dan Kawalselia Padi Beras.

Pada masa sama, Mohamad Termizi berkata, pihaknya menyambut baik terhadap cadangan reformasi itu namun ia perlu dibuat secara berterusan.

"Fokus kepada kesejahteraan petani dan pesawah kerana dari situ, hasil boleh ditingkatkan," katanya.

Beliau berkata, KPKM juga perlu meletakkan sasaran baharu terhadap hasil tuaian berbanding kadar kebiasaan kini yang mencapai lima metrik tan per

hektar melalui reformasi itu.

Hati-hati tamat subsidi telur

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), T Saravanan, berkata penamatan subsidi telur ayam perlu dilakukan secara berhati-hati supaya ia tidak menjejaskan pengguna, terutama kumpulan berpendapatan rendah.

Katanya tindakan itu boleh diambil dengan syarat bekalan telur benar-benar pulih dan harganya di pasaran kekal stabil tanpa kenaikan mendadak.

"Sememangnya FOMCA memahami pemberian subsidi adalah langkah sementara yang dilaksanakan bertujuan memastikan harga barang asas kekal mampu milik untuk pengguna ketika berlakunya krisis bekalan.

"Namun, penamatan pemberian subsidi itu perlu dilakukan dengan berhati-hati agar tidak

menjejaskan pengguna.

Katanya, pengeksportan pertama dilaksanakan pada 24 Ogos lalu selepas dua bulan Protokol Keperluan Fitosanitari Pengeksportan Buah Durian Segar dari Malaysia ke China dimeterai.

"Kini kita sedang berbincang

dengan China supaya kita dapat mengeksport durian kampung pula dan ini ke arah untuk membantu pekebun kita yang ramai di Malaysia.

"Usaha ini juga berupaya membantu menambah pendapatan pekebun," katanya.

Infrastruktur itu perlu direformasikan sebab kawasan sawah Malaysia lebih luas berbanding Vietnam dan Thailand, namun hasil mereka lebih tinggi

Mohamad Termizi Yop,
Pengerusi
PPBMM



Penamatan pemberian subsidi itu perlu dilakukan dengan berhati-hati agar tidak menjejaskan pengguna

T Saravanan,
Ketua Pegawai
Eksekutif FOMCA



Mantapkan tatakelola jamin kebaikan 230,000 pesawat

Kuasa badan kawal selia padi diasing

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memutuskan untuk mengasingkan kuasa antara Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan wakil kerajaan dalam Padiberas Nasional (Bernas).

Menterinya, Mohamad Sabu berkata, perkara itu wajar dilaksanakan segera bagi memantapkan tatakelola sektor padi dan beras di negara ini.

Beliau berkata, perkara itu juga penting bagi mengatasi isu ketiadaan beras puth di pasaran tempatan dan menjamin kebajikan 230,000 pesawah di seluruh negara.

"Pada peringkat awal, saya memerlukan masa yang agak panjang untuk memahami keseluruhan rantaian nilai industri padi dan beras negara mandangkan ia adalah sebuah industri yang sangat besar dan kompleks.

"Padi merupakan komoditi strategik negara yang memainkan peranan penting dan memberi kelangsungan hidup kepada lebih satu juta isi rumah.

"Buat masa ini pengeluaran beras tempatan hanya mampu membekalkan keperluan untuk 21 juta pengguna di Malaysia," katanya ketika berucap pada majlis perhimpunan bulanan kementerian itu di sini semalam.

Katanya, ketika ini penduduk



MOHAMAD berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan KPKM Tahun 2024 di Putrajaya semalam. – FAZAL IFZIRIR

Malaysia sudah melebihi 30 juta orang, sebahagian lagi beras kita terpaksa import dari sumber luar melalui Bernas.

Mohamad berkata, pihaknya tidak boleh sewenang-wenang mengubah mana-mana polisi komoditi ini," katanya.

Selain itu, katanya, pihak-nya juga akan memperkenalkan 'Peraturan Melarang Campuran Beras Putih Tempatan dengan Beras Putih Importasi dan Bekal-terlihat'.

"Oleh sebab itu, kami sangat berhati-hati ketika mau melingnya akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

Tarik subsidi telur, kerajaan jimat RM100 juta sebulan

PUTRAJAYA - Cadangan untuk menamatkan subsidi telur ayam gred A, B dan C sekiranya bekalan kembali pulih kini dipertimbangkan kerajaan mandangkan ia boleh menjimatkan RM100 juta sebulan.

Menteri Pertanian dan Ketahanan Pangan, Datuk Seri Mohamed Sabu berkata, pihaknya melihat harga ayam stabil selepas penamatan subsidi baru-baru ini dan diharapkan perkara sama akan berlaku dengan penarikan subsidi tiga grad telur itu.

"Jika subsidi telur itu ditarik, kerajaan akan jimat antara RM100 juta sebulan sama seperti penjimatan bagi penarikan subsidi ayam," katanya pada sidang akhbar selepas majlis perhimpunan bulanan kementerian itu di sini semalam.

Mohamad berkata, pemberian subsidi itu wajar ditempatkan sekiranya bekalan telur tersebut telah kembali pulih dan stabil di pasaran tempatan.

Ujarnya, perjimatan itu dapat dimanfaatkan untuk membangunkan sektor agromakanan lain yang lebih mendesak.

"Alhamdulillah, berkat kerja keras tuan-tuan dan puan puan semua, hari ini kita tidak lagi mendengar keluhan rakyat tentang ketiadaan bekalan ayam dan telur di pasaran

"Walaupun kita telah melaksanakan penamatan subsidi ayam pada 1 November 2023, hasilnya bekalan dan juga harga ayam semakin stabil sehingga hari ini. Kini, penternak ayam pula yang mengeluh kerana harga ayam terlalu murah," katanya

Katanya, baru-baru ini, beliau berkesempatan menemui rakan sejawat di Brazil dan Peru bagi mempelajari aktiviti dan industri pertanian di negara itu.

Jelasnya, Brazil mendedahkan mereka berjaya dalam pertanian disebabkan tiga faktor antaranya memiliki tanah pertanian yang luas dan penarikan subsidi bagi sektor berkenaan.

"Boleh saya cakap begitu di Malaysia. Lain padang lain belalang. Itu di Brazil dan kita di sini masih lagi memerlukan subsidi berkenaan," katanya.

Sebelum ini, kerajaan memutuskan harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sejoli selaras usaha mengembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi kepada rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata, kini harga runcit bagi telur ayam gred A, B dan C masing-masing turun kepada 42 sen, 40 sen dan 38 sen seabiji berkuat kuasa pada 16 Jun ini.

Reformasi memacu keterjaminan makanan

Penggabungan agensi

- 7 agensi digabung babit 2,030 anggota penguat kuasa dan 14 akta bagi bendung ketirisan, penyeludupan

- Agensi terbabit Kawalselia Padi dan Beras (KWPB); Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS); Jabatan Pertanian Malaysia (DOA); Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS); Jabatan Perikanan Malaysia (DOF); Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Pengasingan kuasa

- Bertujuan mantapkan tindakan penguatkuasaan dan peraturan baharu untuk sektor padi dan beras negara

- Agensi terbabit Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KWPB) dan wakil kerajaan dalam Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)

Peraturan baharu

- Peraturan Melarang Campuran Beras Putih Tempatan dengan Beras Putih Import diperkenalkan dalam masa terdekat

- Memperkenalkan asas pengiraan baharu Kadar Sara Diri (SSR) dan Penggunaan Perkapita (PCC) beras negara selaras piawaian Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mulai tahun ini.



KPKM umum reformasi radikal sektor agromakanan negara

Penggabungan penguat kuasa, pengenalan peraturan baharu perkukuh kawal selia industri

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) semalam mengumumkan reformasi radikal sektor agromakanan negara, antara lain membabitkan penggabungan penguat kuasa dan pengenalan peraturan baharu.

Reformasi terbabit yang dirancang selepas melalui libat urus yang panjang dan lama dengan semua pihak berkaitan, bertujuan memperkukuh kawal selia sektor berkenaan dan akan turut menyaksikan pengasingan kuasa antara agensi.

Langkah yang dicadangkan, antara lain untuk memastikan keterjaminan bekalan makanan negara dan menjamin sumber pendapatan pengeluar produk pertanian seperti padi membabitkan lebih 230,000 pesawah dan keluarga mereka.

Mengumumkan agenda itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, menegaskan reformasi yang dirancang bukan kerana agenda politik, sebaliknya demi kebaikan dan masa depan industri.

Bagi sektor padi dan beras, beliau berkata, antara isu besar mengenai industri itu adalah kekurangan bekalan beras putih



Mohamad menerima buku senarai Semak Kecemerlangan Pengurusan Kewangan PTJ (KPKM) daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Isahak pada Majlis Perhimpunan Bulanan KPKM di Putrajaya, semalam.

tempat (BPT) di pasaran.

Katanya, pasukan petugas khas yang ditubuhkan sebelum ini sudah menyiasat, mengkaji dan memberikan cadangan untuk menyelesaikan isu itu dan empat langkah dicadangkan untuk mereformasi sektor terbabit.

"Langkah pertama, pemantapan tatakelola sektor padi dan beras, iaitu pengasingan kuasa di antara Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan wakil Kerajaan dalam PadiBeras Nasional (BERNAS).

"Ini akan segera dilaksanakan. Kita pecahkan mereka yang terbabit dalam hal industri padi supaya tidak ada tuduhan mengatakan dia (ketua unit) pakai 'satu topi buat dua tugas', kali ini 'dua topi dua tugas'.

"Ini telah melalui libat urus yang kita buat begitu panjang dan lama dengan semua pihak. Sekarang, pembangunan padi

dan beras serta bahagian penguat kuasa di bawah satu pengarah, sekarang kita nak asingkan," katanya.

Mengumumkan demikian pada Majlis Perhimpunan Bulanan KPKM di sini dan kemudian memperincikannya pada sidang media, beliau berkata, peraturan melarang campuran BPT dengan beras putih import (BPI) juga akan diperkenalkan.

"Pekeliling mengenai akan dikeluarkan dalam masa terdekat," katanya menambah langkah ketiga adalah pelaksanaan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam melalui penggabungan penguat kuasa tujuh agensi di bawah KPKM.

Agensi itu adalah KPB, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perikanan (DOF), Lembaga Pemasaran Per-

tanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Kita gabungkan ketujuh-tujuh agensi penguatkuasaan ini di bawah kita. Jadi kita akan dapat 2,030 penguat kuasa untuk membantu merealisasikan reformasi yang kita akan buat.

"Kita nak pastikan penguatkuasaan berjalan dengan lebih optimum, memastikan isu ketirisan dan penyeludupan dapat dibendung lebih efektif," katanya.

Reformasi pentadbiran

Langkah keempat, katanya, reformasi pentadbiran yang sedang dilaksanakan di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

"Reformasi diusahakan Kementerian bukanlah kerana agenda politik, tetapi untuk kebaikan dan masa depan industri padi serta beras negara. Kita ti-

dak boleh sewenang-wenangnya mengubah mana-mana dasar sedia ada," katanya.

Beliau menambah, agenda reformasi itu akan dibawa untuk perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada satu mesyuarat 1 November depan.

"Melalui langkah yang diambil, KPKM menjadi Kementerian pertama menyahut seruan Perdana Menteri untuk melaksanakan agenda reformasi perkhidmatan awam melalui penggabungan penguat kuasa di bawah Kementerian," katanya.

Mengenai pengeluaran BPT, beliau berkata, buat masa ini, ia hanya mampu membekalkan keperluan untuk 21 juta pengguna di Malaysia, manakala sebahagian diimport melalui BERNAS bagi menampung lebih 30 juta penduduk.

Menurutnya, KPKM juga memperkenalkan asas pengiraan baharu Kadar Sara Diri (SSR) dan Penggunaan Per Kapita (PCC) beras negara selaras piawaian Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN).

Menerusi kaedah baharu itu, katanya, KPKM menentukan asas pengiraan pengeluaran padi pada 2023 dengan mengambil kira jumlah padi bersih diproses menjadi beras, tidak termasuk untuk tujuan dijadikan benih pada tahun sama.

"Pengumuman lebih terperinci kaedah baharu pengiraan SSR beras negara akan dimaklumkan Jumaat ini," katanya.

Mengenai Belanjawan 2025, Mohamad berkata, KPKM mengemukakan 32 cadangan inisiatif kepada Kementerian Kewangan untuk memperkukuh pengurusan rantaian makanan bagi menjamin bekalan lebih terurus dan berstruktur.

Syork kaji semula subsidi telur wajar dipertimbang

Putrajaya: Cadangan mengkaji semula subsidi telur ayam gred A, B dan C sudah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata langkah itu wajar dipertimbang apabila bekalan telur kembali pulih dan stabil.

Katanya, ia berdasarkan kejayaan penamatan subsidi ayam 1 November tahun lalu yang me-

nyaksikan penjimatan RM100 juta sebulan yang dapat dimanfaatkan untuk membangunkan sektor agromakanan lain lebih mendesak.

"Tempoh awal saya di Kementerian ini, negara waktu itu berdepan kekurangan ayam dan telur ayam. Apabila kita ambil keputusan tidak popular tamatkan subsidi ayam, ketika itu ramai perlekeh usaha kita, kononnya harga ayam akan melambung.

"Alhamdulillah, selepas subsidi ditamatkan, harga ayam tidak lagi melambung. Lebih penting,

negara dapat manfaat dengan penjimatan RM100 juta sebulan dan kini penternak ayam pula mengeluh kepada saya kerana harga ayam terlalu murah.

"Hari ini kita tidak lagi dengar keluhan rakyat mengenai tiada bekalan ayam dan telur ayam di pasaran," katanya berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), di sini semalam.

Kerajaan memperuntukkan RM927 juta bagi subsidi telur ayam pada 2023 sebelum pada

Jun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan penurunan tiga sen harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara.

Tubuh jawatankuasa khas

Negara membelanjakan lebih RM3 bilion sejak Februari 2022 untuk subsidi ayam dan telur sebelum kerajaan melaksanakan penamatan subsidi ayam pada 1 November 2023 yang menyaksikan bekalan serta harga ayam makin stabil.

Sementara itu, Mohamad ber-

kata, KPKM akan menubuhkan jawatankuasa khas diketuai Ketua Setiausahaanya, Datuk Seri Isahak bagi mengkaji Kadar Sara Diri (SSR) Daging dalam menangani kekurangan bekalan makanan berkenaan.

"SSR daging masih di tahap bawah 20 peratus. Bagi memastikan perancangan mencukupkan bekalan seperti dirancang dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030, satu jawatankuasa khas akan ditubuhkan bagi melihat perkara ini," katanya.

Penguat kuasa tujuh agensi KPKM digabung

Oleh **MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**

utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan menggabungkan penguat kuasa tujuh agensinya di bawah satu bumbung bagi memperkukuh kawal selia sektor agromakanan.

Tujuh agensi yang terlibat ialah Kawal selia Padi dan Beras (KPB); Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan

Bagi perkukuh kawal selia agromakanan, bendung ketirisan

Malaysia (MAQIS); Jabatan Pertanian Malaysia (DOA); Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS);

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF); Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, apabila digabungkan, keanggotaan penguatkuasaan bagi sektor agromakanan negara akan mencakup seramai 2,030 orang dan berkuasa mengawal keseluruhan 14 akta di bawah KPKM.

Beliau berkata, cadangan itu akan dibawa kepada perha-

tian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam satu mesyuarat pada 1 November ini.

“Penggabungan penguat kuasa itu akan membantu KPKM merealisasikan reformasi yang dibuat sekali gus memastikan penguatkuasaan berjalan dengan lebih optimum agar isu ketirisan, penyeludupan dibendung dengan lebih efektif.

Bersambung di muka 2

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2



MOHAMAD Sabu (dua kiri) menerima buku senarai Semak Kecemerlangan Pengurusan Kewangan PTU (KPKM) daripada Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Seri Isham Ishak dalam Majlis Perhimpunan Bulanan (KPKM) Tahun 2024 di Putrajaya, semalam.

Penguat kuasa tujuh agensi KPKM digabung

Dari muka 1

"Reformasi yang sedang diusahakan ini bukanlah kerana ada agenda politik, tetapi ia dilakukan untuk kebaikan dan masa depan untuk industri," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan bulanan KPKM, di sini semalam.

Mohamad berkata, reformasi pentadbiran turut akan dilaksanakan di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dalam masa terdekat.

Beliau berkata, KPKM menjadi kementerian pertama yang menyahut seruan Perdana

Menteri untuk melaksanakan agenda reformasi perkhidmatan awam melalui penggabungan penguatkuasa di bawah KPKM," katanya.

Menurutnya, penggabungan keanggotaan penguatkuasaan itu tidak membabitkan implikasi kewangan dan hanya membabitkan pertukaran dalaman.

Sementara itu, Mohamad berkata, sebanyak 32 cadangan dan inisiatif dikemukakan kepada Kementerian Kewangan (MOF) untuk dipertimbangkan bagi Belanjawan 2025.

Menurut Mohamad, semua cadangan itu penting bagi

memperkuatkan pengurusan rantaian agro makanan negara sekali gus menjamin bekalan yang lebih tersusun dan berstruktur.

"Isu geopolitik dalam pertanian sering kali berkait rapat dengan kedaulatan negara, di mana kawalan terhadap sumber makanan dianggap lebih kritikal daripada aspek keselamatan fizikal.

"Dalam hal ini, KPKM menggalas tugas yang sangat besar bagi memastikan kecukupan dan keterjaminan makanan dalam negara tanpa perlu bergantung kepada sumber luar," katanya.

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C sekiranya bekalan itu kembali pulih dan stabil.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, langkah menamatkan subsidi berkenaan wajar di-

Subsidi telur dikaji semula jika bekalan pulih

pertimbangkan berdasarkan kejayaan penamatan subsidi ayam yang memberi penjaminan RM100 juta sebulan.

"Cadangan telah dikeskakan kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, dan dalam pertimbangan," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan bulanan KPKM, di sini, semalam.

Mohamad berkata, penjaminan berkenaan dapat dimanfaatkan untuk

membangunkan sektor agronomakan lain yang mendesak.

Menurut beliau, negara telah membelanjakan lebih RM3 bilion sejak Februari 2022 untuk subsidi ayam dan telur, sebelum kerajaan melaksanakan

penamatan subsidi ayam pada 1 November 2023 dan menyaksikan bekalan serta harga ayam semakin stabil hingga kini.

"Apabila kita mengambil keputusan tidak popular iaitu menamatkan subsidi ayam, pada ketika itu ra-

mai memperlekehkan usaha kita, kononnya harga ayam akan melambung.

"Alhamdulillah, setelah subsidi ditamatkan, harga ayam tidak lagi melambung dan lebih penting lagi, negara mendapat manfaat dengan penjaminan RM100 juta sebulan melalui penamatan subsidi ayam," katanya.



MOHAMAD (dua dari kiri) menerima buku senarai Semak Kecemerlangan Pengurusan Kewangan PTJ (KPKM) daripada Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Seri Isham Ishak pada Majlis Perhimpunan Bulanan (KPKM), semalam.

Perkukuh jaminan bekalan makanan

KPKM kemuka 32 cadangan kepada Kementerian Kewangan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengemukakan 32 cadangan inisiatif Belanjawan 2025 kepada Kementerian Kewangan.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, cadangan inisiatif itu adalah untuk memperkuatkan pengurusan rantai makanan bagi menjamin bekalan yang lebih tersusun dan berstruktur.

"Isu geopolitik dalam pertanian sering kali berkait rapat dengan kedaulatan negara, di mana kawalan terhadap sumber makanan dianggap lebih kritikal daripada aspek keselamatan fizikal. "Dalam hal ini, KPKM menggalas tugas yang sangat besar bagi memastikan kecukupan dan keterjaminan makanan dalam negara tanpa perlu bergantung kepada sum-

ber luar," katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan KPKM, di sini, semalam.

Mohamad Sabu berkata, ketegangan geopolitik dan perubahan iklim memberi impak kepada perubahan dasar negara pengeluaran dan kenaikan harga barang dunia.

Katanya, ia memberi kesan rantaian kepada ekonomi domestik bagi Malaysia yang bergantung ke-

pada import bekalan makanan.

"Oleh itu, kedaulatan makanan dilihat lebih penting daripada sekadar keselamatan kerana ia menyentuh kelangsungan hidup rakyat dan kestabilan jangka panjang negara.

"Maka, KPKM sudah mengemukakan 32 cadangan inisiatif Belanjawan 2025 kepada Kementerian Kewangan," katanya.

Belanjawan 2025 akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 18 Oktober ini bertepatan Ekonomi Madani, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera.

Perkenal kiraan baharu SSR, PCC

Putrajaya: Asas pengiraan baharu Kadar Sara Diri (SSR) dan Penggunaan Per Kapitan (PCC) beras negara akan diperkenalkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) selaras dengan piawaian ditetapkan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, perincian mengenai kaedah baharu pengiraan itu akan dibuat pada Jumaat ini.

"Menerusi kaedah baharu ini, pihak KPKM sudah menentukan asas pengiraan pengeluaran padi pada tahun 2023 dengan mengambil kira jumlah padi bersih yang akan diproses kepada beras sahaja.

"Pengiraan ini tidak termasuk jumlah pengeluaran padi yang dikhususkan untuk tujuan benih pada tahun yang sama," katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan KPKM, di sini, semalam.

Mohamad berkata, melalui pelarasan semula metodologi pengiraan SSR dan PCC, SSR beras negara bagi 2023 adalah pada kadar 56.2 peratus berbanding 57.9 peratus di tahun sebelumnya.

Dalam pada itu, Mohamad merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Premier Sarawak yang mengumumkan peruntukan RM500 juta akan disediakan dalam Belanjawan Sarawak 2025 untuk meningkatkan pe-



Menerusi kaedah baharu ini, pihak KPKM sudah menentukan asas pengiraan pengeluaran padi pada tahun 2023 dengan mengambil kira jumlah padi bersih yang akan diproses kepada beras sahaja. Pengiraan ini tidak termasuk jumlah pengeluaran padi yang dikhususkan untuk tujuan benih pada tahun yang sama"

Mohamad

ngeluaran padi dan beras di negeri berkenaan.

Katanya, komitmen Kerajaan Sarawak memastikan kecukupan bekalan beras di negeri itu perlu diteliti oleh negeri lain kerana usaha meningkatkan SSR beras negara bukan sahaja terletak pada bahu KPKM, tetapi memerlukan sokongan dan kerjasama jitu daripada semua pihak termasuk swasta.

"Saya yakin dengan segala usaha yang sedang dilaksanakan untuk mereformasikan sektor padi dan beras ini, hasrat negara untuk mencukupkan beras akan tercapai dalam masa 10 tahun mendatang," katanya.

Pengasingan kuasa mantapkan sektor padi, beras

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bakal melaksanakan pengasingan kuasa antara agensi berkaitan dan memperkuatkan peraturan baharu bagi memantapkan sektor padi dan beras negara, kata Menteri Pertanian dan Ke-

terjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu. Beliau berkata, pengasingan kuasa itu melibatkan Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras

(KPB) dan wakil kerajaan dalam Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

"...kita pecahkan dengan mereka yang terlibat dalam hal industri padi supaya tidak ada tuhan menga-

takan dia (ketua unit) pakai 'satu topi buat dua tugas', kali ini 'dua topi dua tugas'. Ini telah melalui libat urus yang kita buat begitu panjang dan lama dengan semua pihak.

"Sekarang ini pembangunan padi dan beras serta bahagian penguat kuasa di bawah satu pengarah. Sekarang kita nak asingkan," katanya dalam sidang media selepas Perhimpunan

Bulanan KPKM, semalam. Mengenai peraturan baharu, beliau berkata, Peraturan Melarang Campuran Beras Putih Tempatan dengan Beras Putih Import Pekeliling akan diperkenalkan dengan pekelliling mengenainya akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

10/10/2024

SINAR

NASIONAL

2

HARIAN

Tiba masa kaji semula subsidi telur ayam

Kerajaan sedang pertimbang tamat subsidi bahan mentah itu jika bekalan kembali pulih dan stabil

Oleh **TUAN BUHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA**

Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk menamatkan subsidi telur ayam gred A, B dan C sekiranya bekalan kembali pulih dan stabil.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, penjaminan sebanyak RM100 juta sebulan daripada penamatan subsidi tersebut bakal dimanfaatkan untuk membangunkan sektor agromakanan lain yang lebih mendesak.

"Justeru saya berpandangan, sudah tiba masanya Kementerian ini mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C," katanya ketika berucap di Majlis Perhimpunan Bulanan KPKM di sini pada Rabu.

Menurutnya, cadangan penamatan subsidi telur ayam telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Cadangan ini telah dikemuka-



Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk menamatkan subsidi telur ayam gred A, B dan C. - Gambar: hiasan

kan untuk pertimbang-

an. Jika mendapat kelulusan semua, kita boleh tamatkan subsidi," jelas Mohamad.

Mengulas lanjut, beliau berkata, langkah kerajaan menamatkan subsidi ayam pada 1

November tahun lalu menunjukkan kejayaan apabila harga dan bekalan ayam di pasar-an terus stabil sehingga ke hari ini.

"Kini, penternak ayam pula yang mengeluh kepada saya kerana harga ayam terlalu murah.

"Kita juga tidak lagi mendengar keluhan rakyat tentang ketiadaan bekalan ayam dan telur ayam di pasaran," katanya.

Pada tahun lalu, kerajaan memperuntukkan RM927 juta bagi subsidi telur ayam.

Berdasarkan statistik KPDN pada tahun 2022, rakyat Malaysia

menggunakan kira-kira 30 juta biji telur ayam sehari atau 930 juta sebulan di seluruh negara.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Peruncit Bumpitera, Datuk Anser Ali Mydin dalam Vacana 'Sinar

